



The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami di media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

30.09.2022

❖ Sekilas mengenai Bajet 2023

Ketika bahang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) kian terasa, pembentangan Bajet 2023 pada 7 Oktober ini bakal disaksikan dan diperhati dengan teliti oleh semua pihak.

Berdepan ancaman tekanan inflasi yang semakin meningkat serta pilihan raya yang akan datang, kerajaan perlu mencari jalan untuk mencapai keseimbangan antara memastikan kesejahteraan rakyat dan kemampanan ekonomi.

Bajet ini dijangka memberikan tumpuan kepada meningkatkan pendapatan dan perlindungan sosial rakyat Malaysia di samping meningkatkan daya tahan negara terhadap sebarang kejutan di masa hadapan serta mengukuhkan kedudukan fiskal kerajaan.

Bajet mesra rakyat

Berlatarkan dinamik politik semasa dan pilihan raya yang akan datang, pakar ekonomi sebahagian besarnya menjangkakan Bajet 2023 adalah bersifat mesra rakyat dalam bentuk yang memberi keutamaan terhadap isu kenaikan kos sara hidup, terutama apabila inflasi keseluruhan mula meningkat.

Ini bermakna kerajaan mungkin akan meneruskan pemberian bantuan tunai kepada isi rumah berpendapatan rendah dan bonus untuk kakitangan awam, walaupun berdepan tekanan inflasi semasa.

Inflasi Malaysia, yang diukur oleh indeks harga pengguna (*consumer price index*, CPI), meningkat 4.7% tahun ke tahun pada bulan Ogos 2022. Lebih ketara lagi, CPI Ogos 2022 menandakan kenaikan tahun ke tahun kali keenam berturut-turut sejak bulan Mac 2022, apabila kadar inflasi meningkat secara berterusan sejak beberapa bulan yang lalu. CPI meningkat 4.4% pada bulan Julai, 3.4% pada bulan Jun, 2.8% pada bulan Mei, 2.3% pada bulan April dan 2.2% pada bulan Mac.

Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (*Producer Price Index*, PPI) juga menyaksikan peningkatan dua angka pada separuh pertama tahun 2022, disebabkan oleh faktor dorongan kos yang semakin meningkat seperti aliran menaik yang

berterusan dalam kos input, pemesongan akibat gangguan terhadap rantaian bekalan global serta kenaikan harga komoditi global.

Walaupun Bajet 2023 berkemungkinan mesra pasaran, kuantum pemberian dan inisiatif yang diambil untuk merangsang perbelanjaan dalam ekonomi semasa kemelesetan mungkin terjejas oleh ruang fiskal yang semakin mengecil, berikutan perbelanjaan pengurusan oleh kerajaan yang lebih tinggi serta peningkatan bil subsidi bahan api.

Selain itu, prospek ekonomi global masih suram dan tidak menentu kerana dunia mungkin menuju ke arah kemelesetan pada tahun hadapan di samping risiko geopolitik yang semakin memuncak.

Mengulas keadaan fiskal negara, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz sebelum ini menyatakan bahawa Malaysia masih mempunyai sedikit ruang fiskal untuk mengurus cabaran tekanan harga memandangkan nisbah hutang negara kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) berada pada tahap 60%.

Menurut beliau, walaupun had siling hutang berkanun telah dinaikkan kepada 65% daripada KDNK daripada 60% sebelum ini, kerajaan tetap bertegas dalam menghadkan sasaran defisit fiskal pada 6.0% daripada KDNK.

Kemunculan semula GST?

Perdebatan mengenai pengenalan semula cukai barangan dan perkhidmatan (*goods and services tax*, GST) kembali hangat apabila Perdana Menteri Ismail Sabri menyatakan bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan semula cukai itu sebagai sebahagian daripada reformasi fiskal utama yang bertujuan mengukuhkan kapasiti kutipan negara, walaupun pengenalan semula cukai tersebut ternyata mengundang persepsi negatif.

Cukai penggunaan yang dikenakan secara meluas seperti GST pasti dapat menyumbang kepada tabung negara tetapi idea untuk memperkenalkan semula GST dalam persekitaran inflasi bukanlah suatu idea yang baik, seperti yang diketengahkan oleh Bank Dunia. Sebaliknya, Bank tersebut percaya kerajaan Malaysia akan menunggu masa yang sesuai untuk melancarkan inisiatif pembaharuan hasil secara besar-besaran seperti GST.

Walaupun GST dijangka tidak akan diperkenalkan semula dalam Bajet 2023, Maybank IB Research mengunjurkan bahawa kerajaan akan mula menyampaikan mesej kepada pengguna dan perniagaan mengenai keperluan GST pada tahun 2024 atau selepas PRU15. Dalam nota bertarikh 25 September 2022, firma penyelidikan itu juga menjangkakan kerajaan akan membuat peralihan kepada subsidi bahan api daripada 'bersasar' kepada 'keseluruhan' pada tahun depan.

Ketiadaan GST untuk jangka masa yang lama akan meningkatkan prospek pencukaaian ke atas kekayaan dan keuntungan modal pada masa hadapan, menambah kepada cadangan pengembalian semula cukai ke atas pendapatan daripada sumber asing seperti yang dicadangkan dalam Bajet 2022, yang kini ditangguhkan sehingga 31 Disember 2026.

Sekiranya GST membuat kemunculan semula dalam Bajet 2023, Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd (EY) menjangkakan bahawa kerajaan akan mempertimbangkan kadar antara 4% dan 6% berikutan penilaian yang ketat terhadap potensi hasil yang dapat dikutip untuk menyokong perbelanjaannya.

EY menegaskan bahawa kadar GST mestilah munasabah serta tidak membebankan pembayar cukai dan pengguna. Di samping itu, pelaksanaan dan pematuhan rejim percukaian perlu dipermudah dengan gangguan yang minimum terhadap perjalanan perniagaan.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 3 hingga 7 Oktober 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
05.10.22 (Rabu) 11.00 pagi	Analabs Resources Berhad (AGM)	<p>Analabs mencatatkan untung bersih paling tinggi yang boleh diagihkan kepada pemegang saham berjumlah RM29.46 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili lonjakan 70.3% daripada RM17.3 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Prestasi keuntungan paling tinggi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan lain yang lebih tinggi, antaranya pendapatan dividen yang lebih tinggi daripada pelaburan disebut harga, keuntungan sekali sahaja daripada pelupusan anak syarikat luar negara (RM9.6 juta) dan penepian hutang sekali sahaja berjumlah RM4.43 juta.</p> <p>Persoalannya sekarang, dapatkah Syarikat mengekalkan prestasi yang kukuh itu tanpa keuntungan daripada pelupusan dan penepian hutang sekali sahaja sedangkan keuntungan bagi segmen perniagaannya yang lain kian menyusut tahun ke tahun disebabkan oleh prospek yang mencabar?</p>

<p>06.10.22 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Bermaz Auto Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Bermaz Auto meningkat sedikit tahun ke tahun, sebanyak 1.6% kepada RM2.32 bilion (tahun kewangan 2021: RM2.29 bilion). Walau bagaimanapun untung sebelum cukai tahun ke tahun meningkat sebanyak 28.9% terutamanya disebabkan oleh sumbangan keuntungan yang lebih tinggi daripada operasi yang berpunca daripada margin yang lebih baik daripada campuran jualan kenderaan pemasangan tempatan (<i>completely knocked down, CKD</i>), mata wang RM yang lebih kukuh berbanding Yen Jepun dan pembalikan untuk peruntukan yang tidak diperlukan lagi.</p> <p>Namun begitu, Kumpulan tetap berwaspada dan menjangkakan sektor automotif akan kekal mencabar bagi tahun kewangan 2022/ 2023. Justeru Kumpulan akan terus memberikan tumpuan kepada jualan kenderaan Mazda, PEUGEOT dan Kia supaya dapat bersaing dalam pasaran dengan harga yang lebih berpatutan.</p>
<p>06.10.22 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Citaglobal Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pemerolehan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Citaglobal Engineering Services Sdn Bhd ('CESSB') pada harga RM140 juta, yang akan dipenuhi menerusi penerbitan 736.84 juta saham Citaglobal baharu pada harga terbitan 19 sen setiap satu.</p> <p>EGM ini juga mencadangkan untuk menyatukan setiap lima saham Citaglobal menjadi satu saham Citaglobal.</p>
<p>06.10.22 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Berjaya Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penyenaian Singapore Institute of Advance Medicine Holdings Pte Ltd ('SIAMH') di Catalist Board of Singapore Stock Exchange Securities Trading Limited.</p> <p>Cadangan penyenaian itu dijangka mengumpulkan hasil kasar</p>

		sehingga SGD30.0 juta. Mengandaikan harga tawaran awam permulaan minimum sebanyak SGD0.20, kepentingan ekuiti BCorporation dalam SIAMH sebanyak 51.62% dijangka akan dcairkan kepada 38.13% selepas penyenaian yang dicadangkan itu selesai.
--	--	--

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara penting untuk diketengahkan
Analabs Resources Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Analabs hampir mendatar bagi tahun kewangan 2022 berjumlah RM117.59 juta berbanding RM117.49 juta pada tahun kewangan 2021, dengan 60% daripada pendapatan disumbangkan oleh segmen pembuatan, formulasi dan jualan resin, bahan kimia dan bahan binaan.</p> <p>Sementara itu, pendapatan daripada segmen perniagaan merosot kepada RM71.57 juta daripada RM89.54 juta pada tahun sebelumnya. Ia juga mencatatkan margin untung sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak 11.02%, berbanding 16.03% pada tahun sebelumnya (Halaman 119 dan 123, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Analabs menumpukan usahanya untuk meningkatkan aliran pendapatan dengan meluaskan pangkalan pelanggannya dan melabur dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (<i>research and development, R&D</i>).</p> <p>a) Apakah hasil yang nyata yang dapat dilihat daripada usaha Analabs untuk meluaskan pangkalan pelanggannya?</p> <p>b) Dalam tempoh kewangan, dolar AS yang lebih kukuh berbanding Ringgit Malaysia telah menyebabkan lonjakan harga bahan mentah yang dibeli dalam dolar AS.</p> <p>Bolehkah Syarikat menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan berdasarkan dinamik penawaran dan permintaan semasa? Secara purata, berapakah kenaikan harga jualan produk?</p> <p>c) Adakah Syarikat menjangkakan pemulihan dalam prestasi kewangan segmen ini pada tahun kewangan 2023?</p>
Bermaz Auto Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM2.32 bilion (tahun kewangan 2021: RM2.29 bilion) dan untung sebelum cukai sebanyak RM217.7 juta (tahun kewangan 2021: RM168.9 juta) (Halaman 20 Laporan Tahunan 2022). Walaupun terdapat peningkatan kecil dalam pendapatan, untung sebelum cukai Kumpulan meningkat sebanyak RM48.8 juta atau 28.9% terutamanya disebabkan oleh sumbangan</p>

	<p>keuntungan yang lebih tinggi daripada operasi yang berpunca daripada margin yang lebih baik daripada campuran jualan kenderaan pemasangan tempatan (<i>completely knocked down, CKD</i>), pengukuhan MYR berbanding JPY dan pembalikan untuk peruntukan yang tidak diperlukan lagi (Halaman 15, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Dengan peningkatan kos bahan mentah dan kos buruh, gangguan terhadap pengeluaran dan bekalan yang terhad, adakah Kumpulan menaikkan harga kenderaannya sejak Januari 2022? Jika ya, berapakah kenaikan itu?</p> <p>b) Berapakah jumlah pembelian Kumpulan dalam mata wang Yen Jepun pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Merujuk laman sesawang Bank Negara Malaysia, kadar pertukaran Yen Jepun (JPY)/ Ringgit Malaysia (MYR) ialah 3.6201 pada 3 Januari 2022 dan kadar terkini pada 27 September 2022 ialah 3.1934. Memandangkan Yen Jepun menyusut nilai dengan ketara berbanding RM sebanyak 11.79%, setakat manakah penyusutan ini menjejaskan Kumpulan?</p> <p>d) Dalam situasi Yen Jepun yang menyusut ini, adakah terdapat peluang bagi Kumpulan untuk memanfaatkannya?</p>
Citaglobal Berhad (EGM)	Apakah sasaran pulangan ke atas pelaburan tersebut dan apakah tempoh yang disasarkan oleh Kumpulan untuk mendapatkan semula semua pelaburannya dalam CESSB yang Diperbesarkan?

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat

yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.